

## BAB DUA

### KONSEP DAN METODE DAKWAH

Dalam bab pertama telah membincangkan latar belakang masalah kajian, pengertian tajuk dan kaedah kajian. Seterusnya dalam bab kedua, penulis akan mulai mengemukakan landasan teori sebagai panduan dalam menganalisis kegiatan Dayah Mudi Mesra. Perbincangan ini akan mencakupi konsep dan skop dakwah, kewujudan dakwah, matlamat dakwah baik matlamat luaran mahupun matlamat dalaman dan kaedah dakwah serta faktor-faktor penyokongnya.

#### 2. 1. Pengertian dan Skop Dakwah

Sebenarnya sebutan atau perkataan dakwah berasal dari bahasa Arab, pada asalnya bererti panggilan, jemputan atau undangan makan, contohnya دعوت دعوة فلا نا: ertinya : Saya memanggil , menjemput atau mengundang si pulan makan. Di sisi lain perkataan dakwah dapat juga mengandung pengertian seperti, كنا فى دعوة فلا : ertinya kami berada di majlis jemputan atau undangan si pulan.<sup>1</sup>

Menurut Ghalwasiy, perkataan dakwah mempunyai dua pengertian, iaitu "agama Islam" dan "kegiatan penyebarannya". Sekiranya dikatakan هذا من رجال ; الدعوة yang bererti: Dia ini adalah daripada orang-orang dakwah, maka perkataan dakwah di sini bermaksud penyebaran agama Islam. Jika dikatakan اتبعوا لدعوة ä إلى الله yang bererti ikutlah dakwah Allah, maka maksudnya ialah agama Islam. Selanjutnya Ghalwasy mengatakan, dakwah juga telah menjadi nama bagi satu

---

<sup>1</sup> Al-Bustāniy, Karem *et al.* (1973), *Al-Munjid*, Beirut: Dār al-Masyriq, h. 216. lihat Al-Rāzi, Muhammad Bin Abi Bakri Bin ‘Abd Al-Oadir (1981), *Mukhtār al-Shihāh*. Beirut: Dār al-Fikr, h. 205.

disiplin ilmu, seperti disiplin-disiplin ilmu lain yang memiliki ruang lingkup pembahasan, ciri dan matlamatnya sendiri.<sup>2</sup>

Al-Zamakhshariy memberi pengertian **دعا** adalah memanggil. Saya memanggil si pulan; maksudnya: saya menyeru baginda dan Nabi adalah penyeru kesesatan.<sup>3</sup> Terdapat juga perkataan **دعا** (*da‘ā*) dalam “*Miṣbāh al-Munīr*”, perkataan tersebut membawa pengertian menyeru dan memanggil. Dikatakan “saya menyeru Allah” mengandung pengertian bahawa saya memohon kepada Allah dengan permohonan saya telah menadahkan tangan kepada Allah dengan pertanyaan dan memohon kebaikan di sisi-Nya. Dikatakan memanggil, Baginda memberi contoh bahawa “saya memanggil Zaid” ertinya, saya menyeru Zaid dan meminta beliau agar memberi perhatian”. Dikatakan *mu‘azzin* telah memanggil orang ramai untuk shalat, maka ia di anggap sebagai penyeru kepada Allah.<sup>4</sup>

Dalam *Kamus Bahasa Melayu*, dakwah memiliki dua makna. Pertama penyebaran agama (lazimnya digunakan dalam agama Islam) dan kedua adalah mematuhi pengajaran Islam dengan sempurna.<sup>5</sup>

Terdapat pelbagai pentakrifan yang diberikan oleh para ulama dan para cendekiawan bagi istilah dakwah, antara lain yang dikemukakan oleh Syeikh Ali Mahfuz, menjelaskan bahawa dakwah menggalakkan manusia ke arah kebaikan serta

---

<sup>2</sup> Ghalwasy, A. A (1978), *Al-Da‘ wah Al-Islāmiyyah: Ushūluhā wa Wasāiluhā*, Qairah: Dār al-Kitab al-Misriy, h. 10-11.

<sup>3</sup> Al-Zamakhshariy, Mahmud Bin ‘Umar (1972), *Tafsīr al-Kasysyāf ‘an Haqāiq al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Qāwīl fī Wujūh al-Ta‘wīl*, Mesir: Syarikat Maktabat wa Matba‘at Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, h. 189.

<sup>4</sup> Al-Zawi, Tahir Bin Ahmad (1979), *Tartīb al-Qamūs al-Muhīt Alā Tariqat al-Miṣbāh al-Munīr wa Asās al-Balāghah*, Kaherah: Matba‘at Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah, h. 208.

<sup>5</sup> Teuku Iskandar (1986), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 226.

menyuruh kepada perkara makruf dan mencegah dari perkara mungkar, supaya mereka mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.<sup>6</sup> Selain itu, al-Bahī al-Khulī mengatakan bahawa dakwah merupakan aktiviti untuk memindahkan umat dari satu keadaan kepada keadaan yang lain.<sup>7</sup>

Muḥammad Ghazālī juga pernah memberikan takrif dakwah dalam kitabnya yang bertajuk *Ma‘a Allāh Dirāsah fī al-Da‘wah wa al-Du‘at*. Beliau mengatakan, dakwah satu rancangan lengkap yang terkandung di dalamnya semua pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi membolehkan mereka melihat matlamat dari kehidupan mereka, di samping mereka boleh menemukan tanda-tanda perjalanan yang dapat meletak mereka di jalan yang lurus.<sup>8</sup>

Yūsuf al-Qaradāwiy mengatakan dakwah adalah seruan kepada agama-Nya, mengikut petunjuk-Nya, melaksanakan *manhaj*-Nya di muka bumi, meng-Esakan-Nya di dalam ibadah, memohon pertolongan serta kepatuhan, mensucikan diri dari semua makhluk yang ditaati selain Allah, membenarkan apa yang dibenarkan Allah, serta menolak perkara yang dibatalkan Allah, menyuruh perkara makruf serta mencegah dari perkara munkar juga berjihad di jalan Allah.<sup>9</sup>

Pentakrifan dakwah dinyatakan pula oleh Al-Anṣārī dalam kitab *Ma‘ālim al-Da‘wah* yang mengikut pendapat beliau dakwah ialah usaha berbentuk perbuatan atau percakapan untuk menarik manusia kepada kebaikan dan petunjuk.<sup>10</sup> Al-Anṣārī juga

---

<sup>6</sup> Syeikh Ali Mahfuz (t.t), *Hidāyat al-Mursyidīn Ilā Turuq al-Wa‘z wa al-Khitābah*, Kaherah: Maktabah al-Mahmudiyah al-Tijariyyah, h. 18.

<sup>7</sup> Al-Bahī al-Khulī (1979), *Tadhkirat al-Du‘āt*, c. Ke VI. Kuwait: Maktabal al-Falah, h. 35.

<sup>8</sup> Muhammad Ghazali (1989), *Ma‘ā Allāh Dirāsah fī al-Da‘wat wa al-Du‘āt*, Dimasiq: Dār al-Qalam, h. 14.

<sup>9</sup> Yusuf al-Qaradawi (1978), *Thaqāfāt al-Dā‘iyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 5.

<sup>10</sup> Al-Ansari (1984), *op.cit.*, h. 4.

telah mengutip pentakrifan-pentakrifan yang diberikan oleh beberapa ulama, antaranya ialah pentakrifan yang diberikan oleh ‘Ali Mahfūz dalam kitabnya *Hidāyah al-Mursyidīn*, yang berbunyi mendorong manusia kepada kebaikan dan petunjuk dan menyuruh berbuat *ma‘rūf* serta melarang berbuat *munkar* untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat).<sup>11</sup>

Menyerukan manusia kepada kebenaran (agama Allah) harus dengan metod yang dapat mempengaruhi jiwa manusia. Oleh itu, Allah memerintahkan Nabi Muhammad S.‘A.W. untuk menyeru (berdakwah) ke jalanNya dengan cara lemah lembut dan penuh pengajaran seperti firman Allah S.W.T:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْهُم بِالَّتِي هِيَ  
أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Ertinya :

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang Maha mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang Maha mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Terjemahan surah al-Nahl (16): 125

Dalam konteks ini yang dimaksudkan dengan kegiatan penyebaran agama Islam dan pengajaran-pengajarannya itu adalah segala usaha dan aktifitas yang dijalankan untuk menyeru manusia kepada jalan yang benar dan lurus, agar manusia dapat mengenal dan percaya kepada Allah iaitu Tuhan yang Maha Esa. Demikian juga diharapkan

---

<sup>11</sup> *Ibid.*, h. 5.

mereka dapat menjadikannya sebagai pedoman dalam segala aspek kehidupan di bawah bimbingan dua sumber utama, iaitu *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*.<sup>12</sup>

'Abd al-Ra'ūf Syalabiy mengatakan bahawa dakwah merupakan suatu gerak kerja atau kegiatan yang bertujuan menghidupkan mana-mana sistem dari pangkal sampai penghujungnya.<sup>13</sup>

Dalam hubungan ini dakwah bermaksud kegiatan atau gerakan (*harakah*) untuk menghidupkan sistem Ilahi yang Allah wahyukan kepada Nabi Muhammad S.'A.W.<sup>14</sup> Sistem ini mencakupi seluruh kegiatan hidup yang terkandung di dalam *al-Dīn al-Islām*. Dengan demikian skop dakwah itu amat luas iaitu seluas skop *al-dīn* itu sendiri, termasuk mengajak manusia ke arah *amr ma'rūf* dan *nahi munkar* dan dalam kegiatan sosio-ekonomi, sosio-budaya dan lain-lain. Ringkasnya, dakwah bertujuan menghidupkan Islam dan membangkitkannya semula berasaskan landasan teoritis kepada cara hidup praktis di dalam pekerjaan dan kehidupan yang berperikemanusiaan.<sup>15</sup>

Bila diperhatikan dengan teliti, tidak terdapat perbezaan hakiki antara pentakrifan yang di sebut di atas dan juga beberapa pentakrifan yang lain dari segi maksud dan kandungannya. Intipatinya tetap sama iaitu dakwah merupakan kegiatan penyebaran agama Islam dan ajaran-ajarannya kepada seluruh umat manusia sebagai penjelmaan

---

<sup>12</sup> Muhammad Ghazali (1989), h. 6-7.

<sup>13</sup> Syalabi, Ra'uf (1394/1974), *al-Da'wah al-Islāmiyyah, Fī 'ahdiha al-Makki Manāhi Juha wa Ghāyātuha*, al-Qāherah: Majma' al-Buhūth al-Islāmiyah, h. 32.

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> *Ibid.*

*amar ma'rūf* dan *nahi munkar*. Pengertian inilah yang sesuai untuk dijadikan titik tolak analisis dalam kajian ini.

## 2. 2. Kedudukan Dakwah

Islam merupakan agama yang diwahyukan oleh Allah S.W.T. bersifat sejagat. Dengan pengertian bahawa Islam adalah agama yang bersumber dari Allah S.W.T. disebarkan melalui dakwah bagi matlamat seluruh umat manusia tanpa terkecuali dan dari satu masa ke masa yang lainnya serta dari satu generasi ke generasi lainnya. Dakwah adalah tugas utama para Nabi dan Rasul yang wajib dilanjutkan oleh segenap kaum muslimin dan muslimat di segala tempat dan zaman.<sup>16</sup>

Nabi Muhammad S. 'A.W. melalui risalahnya telah meletakkan asas kehidupan manusia dalam segala aspeknya berasaskan kepada kemerdekaan (*freedom*) dengan titik pusatnya tauhid, menghilangkan unsur perantaraan (*wasīlah*) antara makhluk dan Khaliknya, ketergantungan (*dependency*) kepada unsur selain Allah S.W.T. dan mewujudkan manusia dalam kehidupan berjamaah (*society*).<sup>17</sup> Secara amnya fungsi risalah dan tujuan dakwah adalah sebagai berikut:

1. Menyempurnakan hubungan manusia dengan Penciptanya atau *ḥabl min al-Allāh*.
2. Menyempurnakan hubungan manusia dengan sesamanya atau *ḥabl min al-nās* atau *mu'āmalah ma'a al-insān*.

---

<sup>16</sup> Syaikh Abdurrahman Abdul Khaliq (1996), *op. cit.*, h. 17.

<sup>17</sup> Thomas W. Arnold (1981), *Sejarah Dakwah Islam*, Jakarta: Wijaya, h. 10.

3. Mengadakan keseimbangan (*tawāzūn*) antara kedua-duanya dan mengaktifkan keduanya sejalan dan terjalin.<sup>18</sup>

Dalam pengertian lain, tujuan dakwah adalah menciptakan hubungan yang baik secara vertikal manusia dengan Allah S.W.T. dan hubungan horizontal antara sesama manusia dengan lingkungan di mana dia berada, sesuai dengan firman Allah S.W.T:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ أَيْنَ مَا تُقِفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ  
وَبَاءَ وَبِغَضِبٍ مِّنَ اللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا  
يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقِّ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا  
يَعْتَدُونَ

Ertinya :

Mereka ditimpa kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada kecuali dengan adanya sebab daripada Allah dan adanya sebab dari manusia. Dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu kerana mereka mengingkari ayat-ayat Allah dan membunuh para Nabi, tanpa hak (alasan yang benar). Yang demikian itu kerana mereka durhaka dan melampaui batas.

Terjemahan surat al-'Imrān (3): 112.

Dari huraian di atas, jelaslah bahawa dakwah merupakan suatu kewajipan terhadap muslimin lelaki dan perempuan walau di mana mereka berada. Dakwah berfungsi membimbing manusia ke jalan Tuhannya (kebenaran) serta memberi arahan yang sempurna dalam rangka menjalin hubungan antara manusia dengan pencipta-Nya dan antara sesama umat manusia. Dengan pelaksanaan dakwah bererti sudah

<sup>18</sup> M. Natsir (1977), *Fiqh al- Da'wah*, Jakarta: Dewan Dakwah Islāmiyah Indonesia, h. 36.

melaksanakan *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahyu 'an al-munkar* dalam usaha menyelamatkan umat manusia daripada kesengsaraan dunia dan akhirat.

### **2. 3. Konsep dan Metode Dakwah**

Dakwah merupakan tugas suci umat Islam dalam meneruskan tugas Rasulullah S.'A.W. yang bertujuan untuk mewujudkan masyarakat taat dalam melaksanakan segala perintah Allah S.W.T dan menjauhi segala laranganNya. Dalam kaitan ini, kalau manusia mahu berfikir mengenai tujuan daripada dakwah, maka akan mudah bagi umat Islam memahami betapa pentingnya posisi dakwah terhadap umat Islam khususnya dan kepada umat manusia amnya.

Konsep dan metode dalam melaksanakan dakwah mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan perubahan-perubahan yang di alami manusia. Dari kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi yang dapat menjadikan manusia menguasai, mengelola dan memanfaatkan alam untuk kesejahteraan umat manusia, tetapi dalam dimensi yang lain kemajuan teknologi telah menimbulkan masalah yang dapat merosak manusia. Dalam kaitan ini para pendakwah harus aktif dalam merespon semua persoalan kemasyarakatan melalui pelbagai pendekatan dakwah dalam espek kehidupan manusia.

Untuk memperolehi kejayaan dakwah dalam memenuhi tuntutan zaman, maka metode sangat memiliki peranan penting agar dakwah mampu menghadapi segala persoalan dan mempunyai posisi dalam kehidupan manusia di zaman moden.<sup>19</sup>

---

<sup>19</sup> Prof. Dr. H.M. Amin Syukur, M.A (2003), *Desain Ilmu Dakwah: Menjawab Tantangan Zaman*, c.1. Semarang: Pustaka Pelajar Offset, h. 106.



Metodologi yang di maksud dalam kaitan ini adalah sebagai cara kerja untuk dapat memahami dan menjelaskan objek yang menjadi kajian ilmu dakwah yang terdiri dari perilaku manusia secara individu dan Masyarakat. Oleh itu, metode dakwah dahulu yang diwariskan secara turun-temurun masih terlihat lemah dan perlu perbaikan. Untuk tercapainya tujuan dakwah, maka para pelaksana dakwah harus menguasai konsep dan metode dakwah yang sesuai, supaya dakwah yang di sampaikan melalui pelbagai pendekatan baik bersifat persuasif, edukatif mahupun motivatif. Kewujudan dakwah dengan metode yang sesuai dengan kemajuan zaman adalah mutlak diperlukan sebagai sarana penyampaian syariat-syariat Islam.

Merujuk kepada pemikiran Syukiadi Sambas secara mendasar, bahawa metode ilmu dakwah berakar pada pemikiran holistik yang berasaskan petunjuk al-Qur'ān (*al-Nazhā riyah al-Syumuliyah al-Qur'āniyah*), beliau menggabungkan pelbagai aliran teori ilmu pengetahuan sesuai dengan sifat dan jenis objek formal ilmu dakwah iaitu: empirisme (*al-mazhab al-tajribi*), rasionalisme (*al-mazhab al-'aqli*), Kritisisme (*al-mazhab al-Naqdi*) dan mistisisme (*al-mazhab al-shufi*). Gabungan pelbagai aliran teori pengetahuan itu disebut dengan metode ilmu dakwah yang mencakupi :

1. Metode (*manhaj*) Istinbath iaitu proses kefahaman (*istidlal*) dalam memahami dan menjelaskan hakikat dakwah dari *al-Qur'ān dan al-sunnah* berupa teori utama yang berkaitan mengenai ilmu dakwah seperti: usul fiqh, ulumul *al-Qur'ān*, ulumul al-hadith dan ilmu-ilmu lainnya yang berhubung kait dengan dakwah.

2. Metode (*manhaj*) Iqtibas iaitu: proses kefahaman (*istidlal*) dalam memahami dan menjelaskan hakikat dakwah, realiti dakwah, Islam historis dan ilmu-ilmu sosial yang digunakan sebagai ilmu bantu dalam menggunakan metode ini seperti; Ilmu sosiologi, ilmu antropologi, psikologi, ilmu ekonomi, ilmu politik dan lainnya.
3. Metode (*manhaj*) Istiqra iaitu proses kefahaman (*istidlal*) dalam memahami dan menjelaskan hakikat dakwah melalui penyelidikan kualitatif dan kuantitatif dengan merujuk kepada teori utama dakwah.<sup>20</sup>

Jika ditelaah ketiga metode dakwah tersebut menunjukkan bahawa hendak menggabungkan ilmu-ilmu keislaman dengan ilmu-ilmu sosial moden. Dalam konteks dakwah sebagai suatu kegiatan yang dapat dilihat secara konsep dan prektik, maka dakwah dapat dikembangkan dari sudut praktiknya di lapangan. Dengan menggunakan metode dakwah yang tepat dan sesuai, maka dakwah akan berfungsi dalam mewujudkan perbaikan manusia dalam semua aspek kehidupan.

#### **2.4. Matlamat Dakwah**

Pelaksanaan aktiviti dakwah merupakan usaha untuk mengubah suatu keadaan daripada yang negatif kepada positif, mengubah kebodohan menuju kecerdasan, menghapus kemiskinan mencapai kemakmuran, membawa umat manusia daripada kemunduran menghala ke arah kecemerlangan.<sup>21</sup> Demikian juga dengan dakwah,

---

<sup>20</sup> Sukiadi Sambas (1999), *Pokok-Pokok Kajian Wilayah Dakwah*, Surabaya: Pustaka Pelajar, hal.177.

<sup>21</sup> *Ibid.*, hal. 38.

manusia dapat memahami antara yang haq dan yang batil, aqidah yang benar dan kemusyrikan, mana yang halal dan mana yang haram.

Dalam usaha melaksanakan semua kegiatan tersebut perlu adanya orang-orang yang menyampaikan dakwah (subjek) dan menerima dakwah (objek). Objek dakwah merupakan matlamat dakwah. Ia merupakan orang yang diajak untuk membentuk dan merubah tingkahlakunya yang bersesuaian menurut ajaran Islam.

Maksudnya: saya memulakan baca surah al-Fatihah ini dengan menyebut nama Allah. Setiap pekerjaan yang baik, hendaknya dimulai dengan menyebut nama Allah, seperti makan, minum, menyembelih haiwan dan sebagainya. Allah ialah nama zat yang Maha suci, yang berhak disembah dengan sebenar-benarnya, yang tidak perlu kepada makhluk-Nya, tapi makhluk yang perlukan-Nya. *Al-Rahmān* (Maha Pemurah): salah satu nama Allah yang memberi pengertian bahawa Allah melimpahkan kurnia-Nya kepada makhluk-Nya, sedang *al-Rahīm* (Maha Penyayang) memberi pengertian bahawa Allah senantiasa bersifat rahmah yang menyebabkan Dia selalu melimpahkan rahmat-Nya kepada makhluk-Nya. Sesungguhnya yang menjadi matlamat dalam kegiatan dakwah adalah umat manusia tanpa terkecuali.

Sebagaimana firman Allah S.W.T:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ  
الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Ertinya :

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baiknya umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang

segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu beriman kepada Allah (dengan sebenar - benar iman).

Terjemahan surat al-Imran (3): 110

Daripada ayat di atas mengandungi tiga unsur utama berkaitan dengan kegiatan dakwah. Pertama perkataan *ummah* itu merupakan subjek dakwah (*dā'i*). Kedua adalah *al-Nāṣ*, sebagai penerima dakwah (*mad'ū*). Manakala yang ketiga adalah *ta'murūna bi al- ma'rūf wa tanḥauna 'ān al-munkar wa tu'minūnā bi al-Allāh*. Pernyataan ini adalah untuk melaksanakan *amar ma'rūf* (pesan atau message). Ketiga-tiga unsur tersebut merupakan syarat mutlak terlaksananya dakwah.

Matlamat dakwah adalah untuk seluruh umat manusia, sesuai dengan tugas kerasulan Muhammad S.'A.W. yang diutuskan ke dunia ini untuk semua umat manusia, seperti telah dijelaskan dalam firman Allah:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ مِيعًا

Ertinya :

Katakanlah (wahai Muhammad); hai sekalian manusia! sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semuanya.

Terjemahan surah al-a'raf (7):158.

Ayat di atas menjelaskan bahawa Nabi Muhammad S.'A.W. adalah utusan Allah untuk seluruh umat manusia. Tentang hal ini Hamka menjelaskan:

Rasul Allah diperintahkan menyampaikan seruan kepada umat manusia, menjelaskan pula bahawa ia diutus buat mereka sekalian, hilanglah segala keraguan, bahawa baginda diutuskan kepada kaumnya saja, misalnya Quraisy atau Arab. Teranglah

bahawa baginda buat seluruh manusia, tidak mengenal berlainan kulit atau berlainan bahasa.<sup>22</sup>

Dari gambaran tersebut di atas dapat disimpulkan bahawa yang menjadi matlamat dakwah adalah umat manusia keseluruhannya yang tidak membezakan tingkat usia tua atau muda, tingkat pendidikan, masyarakat awam atau terpelajar, kaya atau miskin dan lain-lain. Setiap manusia sama ada yang telah beragama atau pun yang belum. Dalam kaitan ini, Hamka dalam *Tafsir al-Azhar* menyebutkan:

Bahawa Rasul diutus buat seluruh manusia, niscaya pemeluk-pemeluk agama lain termasuk juga agama Budha, kepercayaan Shinto dan kepercayaan-kepercayaan lain, apabila telah sampai seruan Allah kepada mereka, tidak ada ertinya iman mereka kepada Allah kalau mereka tidak mahu percaya Rasul yang lain.

Secara amnya matlamat dakwah terbagi kepada dua bagian, iaitu matlamat dalaman seperti umat Islam itu sendiri dan matlamat luaran, iaitu manusia yang belum menerima agama Islam. Dari huraian di atas, maka matlamat dakwah dapat di bagi dua iaitu dakwah dalaman dan dakwah luaran.

#### 2.4.1. Matlamat Dakwah Dalaman.

Dakwah adalah suatu kegiatan mengajak umat manusia untuk berpodoman, menghayati dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari, baik sebagai individu mahupun sebagai kelompok masyarakat.

Adapun umat manusia yang dimaksudkan dalam pengertian matlamat dakwah dalaman tersebut adalah mereka yang telah memeluk dan mengakui kebenaran

---

<sup>22</sup> Hamka (1984), *Tafsir al-Azhar*, j. III. Jakarta: Pustaka Panji Mas, h. 128.

agama Islam. Pembinaan terhadap matlamat dakwah ini adalah untuk mempertingkatkan penghayatan dan pengamalan ajaran agama mereka (umat Islam), agar mereka selalu berada pada jalan yang benar. Adapun objek dakwah ini, pada dasarnya adalah kaum Muslimin sahaja, sama ada lelaki mahupun perempuan, orang tua mahupun kanak-kanak, orang pandai atau pun orang jahil. Berkait dengan itu M. Ali Chassan Umar menjelaskan bahawa matlamat dakwah secara am terbagi kepada lapan golongan iaitu:

1. Golongan para alim ulama.
2. Golongan ahli zuhud dan ibadah (manusia rajin dan taat beribadah kepada Allah).
3. Golongan penguasa dan pemerintah.
4. Golongan peniaga dan pegawai kerajaan termasuk juga petani dan buruh.
5. Golongan kaum lemah dan fakir miskin (yang menderita sakit, ditimpa malapetaka dan lain-lain).
6. Golongan anggota keluarga merdeka dan hamba sahaya (anak-anak bersama orang tuanya, isteri bersama suami, dan hamba sahaya bersama tuannya).
7. Golongan kaum muslimin yang taat beribadah kepada Allah dan yang bermaksiat kepada Allah.
8. Golongan musyrik, atheis dan orang yang inkar adanya Allah (golongan yang tidak mahu menerima dakwah dan Rasul-Nya serta tidak mahu percaya kepada Allah S.W T. dan Muhammad S. 'A.W. selaku utusan-Nya.<sup>23</sup>

Adapun motif utama yang menjadikan objek dakwah dalaman bagi golongan ini adalah kerana umat Islam itu ada yang benar-benar menyakini Islam dan

---

<sup>23</sup> M. Ali Chassan Umar (1980), *Kelengkapan Dakwah*, Semarang: CV. Toha Putra, h. 16.

menjalankan syari'at Allah S.W.T sesuai dengan tuntunan yang dibawa oleh Rasulullah S.'A.W. Tujuan dakwah kepada mereka adalah untuk meningkatkan sesuatu dari ajaran agama yang sudah dimiliki. Di samping itu terdapat pula umat Islam sebagai minoriti sahaja, yang hanya melengkap bilangan. Namun demikian terdapat pula umat Islam yang menjalankan ajaran Islam tidak bersesuaian dengan kehendak oleh Islam itu sendiri. Oleh itu sangat wajar mereka dibimbing secara berterusan agar mereka suatu masa diharapkan menjadi muslim yang baik.

Sehubungan itu Kolonel Isa Idris menggolongkan objek dakwah dalaman kepada tiga golongan iaitu:

1. Golongan Islam sejati, taat dan aktif, iaitu mereka yang betul-betul mengamalkan ajaran Islam berdasarkan keyakinan dan kesedarannya mengenai kebenaran agama Islam dan melaksanakan ajaran Islam dengan baik.
2. Golongan Islam adat, iaitu mereka yang beragama Islam dan berkeyakinan untuk melaksanakan ajaran tersebut, tetapi aktiviti seharian mereka belum pula meninggalkan adat resam di wilayahnya yang dianggap berlawanan dengan ajaran Islam.
3. Golongan Islam statistik (bancian), iaitu mereka yang mengakui beragama Islam, tetapi tidak menjalankan ajaran Islam. Bahkan ada yang tidak dapat mengucapkan dua *kalimah al-shahādah*. Golongan ini terdiri daripada pelbagai peringkat pendidikan, kekayaan, pangkat dan jawatan malahan mereka merupakan umat Islam yang majoriti. Hal ini disebabkan mereka tidak faham

terhadap aqidah dan syariat Islam. Mereka lazimnya menjadi tumpuan bagi ideologi dan kepercayaan lain seperti Komunisme, Kristian, Aliran Kebatinan dan sebagainya.<sup>24</sup>

Dari pandangan di atas jelaslah bahawa umat Islam selaku matlamat dakwah dalaman mempunyai perbezaan dalam peringkat sama ada daripada segi ketaatan beribadah, mahupun pengetahuan, kemampuan, jawatan, pangkat dan yang lainnya. Oleh itu, para pendakwah dikehendaki untuk mengetahui keadaan matlamat dakwah-nya itu sendiri dari berbagai-bagai peringkat. Dengan demikian tujuan yang ingin dicapai sesuai dengan matlamat dakwah, iaitu membentuk manusia yang sempurna (*insān al-kāmil*) sesuai dengan kehendak *ar-rab al-‘ālamīn*.

#### 2.4.2. Matlamat Dakwah Luaran

Matlamat luaran daripada dakwah adalah mengislamkan orang-orang yang belum memeluk agama Islam dengan pengamalan syariat-Nya dan pembersihan aqidah mereka yang sudah menerima Islam sebagai agama mereka.<sup>25</sup> Sedangkan matlamat luaran tersebut adalah untuk seluruh umat manusia yang lain di dunia ini, sama ada yang telah menganut atau mengikuti salah satu agama selain agama Islam mahupun mereka yang tidak menganuti sebarang agama. Bahkan kaum atheis yang dikenal sebagai kaum penentang agama atau anti Tuhan juga termasuk dalam matlamat ini.

---

<sup>24</sup> Daud Remantan (1980), *Bahan-Bahan Kuliah Aliran Kebatinan*, Banda Aceh: Tingkat Doktoral Fakultas Dakwah IAIN Ar-Raniry Darussalam, h. 24.

<sup>25</sup> Hasan Basry (1988), *Ilmu Dakwah, Strategi, Teknik, Metode, Sistem*, Bagian I. Banda Aceh: IAIN Ar-Raniry, h. 89.



Pelaksanaan dakwah terhadap matlamat ini adalah sesuai dengan risalah Nabi Muhammad S.‘A.W. iaitu untuk memberi khabar gembira dan peringatan bagi seluruh umat manusia, sebagaimana firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Ertinya :

Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan berita amaran (kepada orang-orang yang ingkar) akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).

Terjemahan surah Saba’ (34): 28.

Dalam ayat lain, Allah menyatakan bahawa kehadiran Muhammad S.‘A.W. adalah sebagai suatu rahmat bagi seluruh alam ini. Hal ini bermakna bahawa tugas ke-Rasulan Muhammad S.‘A.W. mencakupi segala makhluk di dunia ini dan bukan kepada umat manusia sahaja. Dalam kaitan ini Allah S.W.T. berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Ertinya :

Dan tiadalah kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Terjemahan surah al-Anbiyā’ (21): 107.

Dari pengertian ayat di atas, maka jelaslah bahawa risalah Nabi Muhammad S.‘A.W. bersifat universal sebagaimana agama Islam itu sendiri yang bersifat universal. Oleh

itu, dakwah mesti dilakukan sesuai dengan misi Islam itu sendiri, iaitu untuk mencapai kejayaan dan kesempurnaan bagi kehidupan manusia di dunia dan akhirat.

Dakwah yang pertama dilakukan Rasulullah S.'A.W. pada masa awal baginda diangkat menjadi Rasul adalah dakwah luaran. Ini kerana pada masa itu belum ada seorang manusia pun yang mengenali agama Islam dan risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.'A.W. Dari dakwah luaran ini Islam mula berkembang sedikit demi sedikit dan berkembang menuju ke arah dakwah dalaman, sehingga dakwah luaran ini menjadi sangat strategik bagi dakwah dalaman dan pengenalan bagi Islam itu sendiri.

Islam datang membawa rahmat untuk umat manusia dengan menyatukan mereka dari pelbagai macam perbezaan kepada aqidah dan agama yang satu, iaitu Islam. Dengan demikian seluruh umat manusia mempunyai persamaan hak dan kewajipan terhadap Allah S.W.T. untuk dapat mewujudkan manusia itu sebagai umat yang satu sebagaimana yang telah disebutkan di atas, maka dakwah perlu juga disebar-luaskan kepada umat manusia yang bukan Islam atau yang dianggap masih berada di luar agama Islam. Berkaitan dengan dakwah luaran ini Prof. Dr. Hamka menjelaskan :

Bahawasanya dakwah itu berlaku kepada segala pihak, baik orang yang telah patuh mengerjakan Islam, ataupun kepada orang yang belum menerima Islam sama sekali. Bahawa sesudah kedudukan Rasulullah S.'A.W. mencapai puncak kekuasaan yang tertinggi, baginda melakukan dakwah juga kepada pihak kekuasaan yang lain yang bertetangga dengan baginda. Baginda kirim surat seruan, surat dakwah kepada Hiraqlius, Kaisar Rom yang berkuasa di Damasyik pada masa itu, manakala baginda mula membina masyarakat Madinah. Baginda pula menghantar surat seruan kepada Maqouqis, selaku penguasa besar di Egypt yang mempunyai otonomi

penuh dalam lingkungan kerajaan Rom. Baginda pun mengirim surat seruan kepada Raja Habsyi, yang menurut tradisi dipanggil Najasi atau Negus di Habsyi (Abessinia), dan kepada Kisra negeri Persia. Jawapan dari raja-raja dan penguasa itu sangat lah baik, mereka menyambut dengan sangat hormat. Penghormatan tersebut ada hubungkait dengan nilai atau isi surat yang disampaikan, di samping tidak terlepas dari siapa yang mengirimnya. Itu semua sudah jelas, bahawa yang mengirimnya adalah seorang yang mengatasnamakan Rasul Allah dan misinya adalah seruan suci, seruan ketauhidan (dakwah Islamiyah).<sup>26</sup>

Sebagai contoh surat seruan dakwah Rasulullah S.‘A.W. kepada Kaisar Rom Heraqlius yang termasyhur dan agung pada masa itu dan raja Habsyi (Najasi), yang isinya mengajak raja tersebut menganut ajaran yang benar, antara isi surat Nabi ke raja Rom berbunyi seperti tersebut :

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Pengasih. Dari Muhammad bin Abdullah utusan Allah kepada pembesar Romawi. Kesejahteraan (salam) kepada orang yang mengikuti petunjuk Allah. Adapun sesudah itu, maka saya mengajak tuan masuk Islam, kalau tuan masuk Islam bererti menyelamatkan diri tuan dan tuan mendapat pahala, kalau tuan menolak, tuan akan memikul segala dosa rakyat tuan. Wahai ahlu al-kitab, marilah kamu semua berpegang kepada kalimah yang tidak ada perbezaan di antara kita iaitu; kita tidak menyembah selain Allah, kita tidak mempersekutukan-Nya dan tidak mengangkat sebagian dari kita menjadi Tuhan bagi yang lainnya. Apabila mereka berpaling, maka kamu katakanlah kepada mereka saksikanlah bahawa kami adalah orang-orang Islam.<sup>27</sup>

M. Natsir dalam bukunya *Fiqh al-Da‘wah* yang mengutip dari kitab *Nuzhat al-Majālis* tentang isi surat Nabi yang dikirimkan kepada Raja Najasyi, yang ertinya seperti berikut:

---

<sup>26</sup> Hamka (1980), *op.cit.*, h. 53.

<sup>27</sup> Toha Yahya Omar (1972), *op.cit.*, h. 92.

Atas nama Allah yang Maha Pengasih lagi Penyayang. Dari Muhammad pesuruh Allah kepada Najasi, Raja Habasyah. Kemudian daripada itu, sesungguhnya saya memujikan bagi mu pada Allah yang tiada Tuhan melainkan Dia, Raja yang suci yang selamat dari noda, yang memberi keamanan yang menjaga makhluk; dan saya bersaksi sesungguhnya 'Īsā bin Maryam adalah Ruh dari Allah dan dari kata-kata-Nya; Ia berikan kepada Maryam yang tidak bersuami, yang suci dan terjaga lalu mengandung 'Īsā dan Allah jadikan 'Īsā dari Ruh-Nya dan meniupkan Ruh padanya sebagaimana Allah menjadikan Nabi Adam dengan kekuasaan-Nya. Dan sesungguhnya saya menyerukan engkau kepada Allah Yang Esa dan tiada sekutu bagi-Nya dan cinta taat pada-Nya, dan hendaknya engkau ikut pada ku dan engkau beriman pada Zat yang mendatangkan aku, sesungguhnya saya pesuruh Allah dan saya serukan engkau dan bala tentaramu kepada Allah Ta'ala. Dan sesungguhnya saya sudah menyampaikan dan memberi nasihat, maka terimalah nasihatku; dan saya telah mengutus kepadamu anak pamanku bernama Ja'far dan beserta segolongan dari kaum Muslimin.<sup>28</sup>

Berdasarkan isi surat yang dikirimkan Nabi kepada raja-raja dan penguasa di wilayah-wilayah yang bukan beragama Islam lain yang berlainan agama, maka jelaslah bahawa dakwah terhadap bukan Muslim dianggap sangat penting demi penyebaran ajaran Islam. Tujuan dakwah kepada mereka adalah untuk mengajak mereka kembali kepada jalan Allah serta meng-esakan-Nya, sebagaimana firman Allah:

قُلْ يَتَّهَلُّوا إِلَيْهِ كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ  
وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّنْ دُونِ اللَّهِ فَإِن  
تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ

Ertinya :

Katakanlah (wahai Muhammad); “wahai ahli kitab, marilah kepada suatu kalimah, yang bersamaan antara kami dan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Dia (Allah) dan kita sekutukan-nya dengan sesuatu juapun dan jangan pula

<sup>28</sup> M. Natsir (1977), *op.cit.*, h. 296.

sebagian dari kita mengambil akan sebagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain Allah”. Jika mereka berpaling maka katakanlah (kepada mereka), ”Saksikanlah bahawa kami adalah orang muslim.”

Terjemahan surah ‘āli-Imrān (3): 64

Matlamat dakwah dari segi luaran tersebut secara garis besarnya dapat dibagi kepada tiga kelompok iaitu:

1. Kelompok penganut agama samawi (*revealed religion*) iaitu agama yang diturunkan oleh Allah melalui Rasul-Nya. Kelompok ini adalah golongan penganut Yahudi, Nasrani (Kristian) baik Katholik mahupun Protestan.
2. Kelompok yang menganut agama *ardī* (*natural religion*) atau agama alamiah iaitu agama yang ditimbulkan oleh manusia itu sendiri, agama tersebut antara lain adalah agama Mesir Kuno, Buda, Shinto, Kong Fu Tse iaitu agama Cina.
3. Kelompok yang tidak mengakui adanya Tuhan (kelompok Atheis), mereka ini juga di sebut orang-orang Komunis.<sup>29</sup>

Demikianlah matlamat dakwah luaran yang mereka ini semuanya berada di pelbagai pelosok dunia. Matlamat dakwah dalaman telah kita lihat dari pelbagai aspek yang berkaitan dengan kehidupan umat manusia, sedangkan matlamat luaran ditinjau melalui sudut keyakinan (agama yang di anut oleh matlamat).

---

<sup>29</sup> Mohd. Norman (1975), *Aliran-Aliran Kepercayaan Dan Agama Besar Di Dunia*, Jakarta: Mutiara, h. 16.

## 2. 5. Kaedah Dakwah

Kaedah merupakan cara atau langkah yang digunakan dalam melaksanakan suatu rencana agar dapat mencapai tujuan yang diinginkan. Bila dikaitkan dengan kegiatan dakwah, maka yang dimaksud dengan kaedah dakwah ialah kaedah yang digunakan para pendakwah dalam menyampaikan pesan-pesan ajaran Islam.

Secara umum Allah S.W.T. telah menjelaskan kaedah dakwah yang sesuai melalui firman Allah:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ  
أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Ertinya :

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Terjemahan surah al-Nahl (14):125.

Berdasarkan ayat di atas, maka timbullah tiga kaedah dalam melaksanakan dakwah. Kata *al-ḥikmah*, *al-maw‘iḍah al-hasanah* dan *mujādalah bi al-latī hiya aḥsan* adalah di dalamnya terdapat pelbagai macam ilmu. Ia adalah ilmu yang sihat dan sudah dipelajari oleh para ahli tafsir dan merupakan ilmu yang bersepadu dengan rasa perisa, sehingga menjadi daya penggerak dan faktor tarikan untuk melakukan sesuatu yang lebih bermanfaat dalam aktiviti dakwah. Dalam kaitan ini para ahli tafsir memberikan pengertian dari tiga kaedah tersebut dengan berbeza-beza iaitu :

## 1. *Al- Hikmah*

Hamka dalam *Tafsit al-Azhar* mengertikan *al- hikmah* adalah cara bijaksanaan, akal budi yang mulia, dada yang lapang dan hati yang bersih, menarik perhatian orang kepada agama atau kepada kepercayaan kepada Tuhan. Kata inti yang luas dari filsafat bahawa filsafat itu bukan sahaja dengan ucapan mulut, melainkan termasuk juga dengan tindakan dan sikap hidup. Kadang-kadang lebih berhikmah jika berdiam daripada berkata.<sup>30</sup>

Ahmad Sanhadji Mohammad dalam *Tafsir Al-Qur' ān Di Radio* bahawa *al-hikmah* mengandungi erti yang banyak antaranya adalah berlemah lembut, penyantun dan bijaksana, juga dengan pengajaran yang baik, nasihat-nasihat dan contoh teladan yang baik, mudah difaham dan dapat menarik hati orang.<sup>31</sup> Muhammad Yunus dalam *Tafsir Qur' ān Al-Karim* memberikan penjelasan *al-hikmah* dengan serulah dan ajaklah manusia itu kepada agama Allah dengan cara bijaksana dan pengajaran yang baik. Dan soal jawab dengan mereka dengan jalan yang sebaik-baiknya.<sup>32</sup>

Syeikh Muhammad Abduh dalam *Tafsit Al-Manar* yang di tuliskan Mohd. Natsir : *al-hikmah* menurutnya adalah menjelaskan tentang rahasia dan faedah tiap-tiap sesuatu. Dalam perspektif yang lain mengatakan bahawa *al-hikmah* merupakan ilmu shahih (benar dan sihat) iaitu yang menggerakkan kemauan untuk melakukan perbuatan yang bermanfaat.<sup>33</sup> Dari pengertian tersebut Mohd. Natsir memahami

---

<sup>30</sup> Hamka (1987), *Tafsir Al-Azhar*, Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, j. 14, h. 3989.

<sup>31</sup> Ahmad Sonhadji Mohammad (1990), *Tafsir Al-Quran di Radio*, Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan-Binyahya, j. 14. h. 233.

<sup>32</sup> Muhammad Yunus (1973), *Tafsir Kuran Karim*, Jakarta: PT. Hidakarya Agung, h. 241.

<sup>33</sup> Mohd. Natsir (1989), *Fiqhud Dakwah Jejak Risalah Dan Dasar-Dasar Dakwah*, Jakarta: Media Dakwah, c.VI. h. 161.

*al-hikmah* iaitu kemampuan untuk memilih metode yang tepat dalam menyampaikan dakwah secara tepat.<sup>34</sup>

Abdullah Syihata mengatakan:

Hikmah adalah memperhatikan situasi dan kondisi matlamat dakwah, materi yang dijelaskan tiap kali tidak memberatkan orang yang dituju, janganlah membebani sesuatu yang memberatkan sebelum jiwa menerimanya, banyak cara yang ditempuh untuk mengajak mereka sesuai menurut keadaannya, tidak perlu menggebu-gebu dan bernafsu sekali, kerana semua itu melampaui batas hikmah.<sup>35</sup>

*Al-Hikmah* merupakan kaedah dakwah yang telah ditunjukkan oleh Allah melalui *al-Qur'ān* yang diturunkan kepada hamba-Nya sebagai pedoman hidup. Allah S.W.T. dalam menetapkan suatu hukum terhadap suatu perbuatan yang telah melekat pada diri manusia dengan cara perlahan-lahan, bukan sekelip mata. Hal ini dapat kita buktikan melalui proses pengharaman minuman keras. Minuman keras merupakan minuman orang Arab pada zaman Jahiliyah.

Dalam membasmu kebiasaan tersebut, pertama Allah menyatakan bahawa arak itu ada bahayanya dan juga ada manfaatnya, tetapi Allah belum melarangnya. Pada tahap kedua dikatakan bahawa tidak boleh melaksanakan solat apabila dalam keadaan mabuk. Pada tahap ketiga baru Allah menyatakan dan menegaskan bahawa arak (minuman keras) itu haram hukumnya. Demikianlah salah satu contoh *al-hikmah* (kebijaksanaan) yang diperlihatkan Allah kepada umatnya. Dalam konteks dakwah *al-hikmah* dimaksudkan bahawa pendakwah harus mengetahui cara dalam

---

<sup>34</sup> *Ibid.*, h. 162.

<sup>33</sup> Abdullah Syihata (1986), *Dakwah Islamiyah*, (Terj.) H. Ibrahim Husein, dkk, Dirjen Pembinaan Agama Islam, Departemen Agama RI, h. 7.



melakukan dakwah, karena dakwah yang disampaikan bergantung kepada kondisi dan situasi antara orang awam dengan orang berpangkat. Pendakwah perlu mengetahui tujuan memberi nasihat supaya apa yang ingin didakwahnya dapat difahami oleh orang ramai. Pendakwah juga perlu menyesuaikan cara berdakwah agar pesannya dapat disampaikan dengan berkesan.

## 2. *Al-Maw'idaḥ al- Ḥasanah*

*Al-maw'izah al-ḥāsanah* adalah tunjuk ajar atau pelajaran yang baik, pelajaran yang mudah diresapi oleh matlamat dakwah sehingga mereka sedar kembali.<sup>36</sup> Hal ini pula dapat menyelami perasaan dengan lemah lembut, tidak menggunakan cara yang keras dan bantahan, tidak pula dengan membuka aib dan hal-hal lain yang dapat menyinggung perasaan pendengar (audience). Sesungguhnya dengan cara lemah lembut dalam memberikan pelajaran dapat membuka hati yang terkunci dan melembutkan hati yang keras.

Hamka Dalam *Tafsir Al-Azhar* mengertikan sebagai pengajaran yang baik atau pesan-pesan yang baik yang disampaikan sebagai nasihat sebagai tuntutan dan tuntunan sejak kecil. Sebab itu termasuk dalam bidang *al- maw'idaṭul al-ḥasanah*, pendidikan ayah dan bunda dalam rumah tangga kepada anak-anaknya, yang menunjukkan contoh beragama dihadapan anak-anaknya sehingga ia menjadi kehidupan mereka pula. Termasuk juga pendidikan dan pengajaran dalam perguruan-perguruan. Perguruan-perguruan yang baik yang belum ditumbuhkan atau belum di isi lebih dahulu oleh ajaran-ajaran yang lain.<sup>37</sup>

---

<sup>36</sup> Hamzah Ya cub (1992), *Publisistik Islam, Tehnik Dakwah dan Leadership*, Bandung: CV. Diponegoro, h. 15.

<sup>37</sup> Hamka (1987), *op.cit.*, h. 3989.

Abdullah Syihata menjelaskan tentang dakwah dengan *al-maw'idah al-ḥasanah*,  
yaitu sebagai berikut:

Pelajaran yang baik akan masuk dengan lembut ke dalam hati, dan mendalami perasaan dengan halus tanpa kekerasan dan kemarahan pada yang tidak perlu. Janganlah mengungkit kesalahan yang telah mereka lakukan tanpa disadari atau tidak sengaja, dengan peringatan yang lembut kebanyakan dapat memberi petunjuk bagi hati yang ingkar, keras dan menentang, maka hal ini akan lebih menguntungkan dengan (seharusnya dari) peringatan yang keras dan penghinaan.<sup>38</sup>

Sehubungan dengan itu, memberikan pelajaran kepada matlamat dakwah dengan cara yang dapat menyinggung perasaan mereka seperti mengherdik, membentuk dan menguraikan hal-hal yang tidak disenangi, itu semua akan menambah kejauhan mereka daripada agama Islam. Bahkan menimbulkan kebencian dan sikap pertentangan yang mereka timbulkan, sehingga tujuan yang diharapkan oleh kegiatan dakwah tidak akan tercapai.

Adapun nasihat yang baik mempunyai beberapa syarat, antara lain adalah:

1. Ia seharusnya timbul daripada keikhlasan hati pendakwah.
2. Pendakwah perlu menyakinkan orang yang didakwahnya bahawa tujuan dakwah adalah untuk kebaikan dan bukan pekara yang lain.
3. Pendakwah hendaknya menyesuaikan peringkat dengan keadaan orang yang didakwahnya supaya ajaran menjadi penawar bagi mengubati penyakit atau mengubahnya, serta menunjukkan kebaikan yang patut diikuti.

---

<sup>38</sup> Abdullah Syihata (1986), *op.cit.*, h. 9.

4. Dalam berdakwah kepada seseorang individu pendakwah perlu melakukan secara tersembunyi, sedangkan berdakwah kepada orang ramai pendakwah seharusnya menasihati mereka daripada melakukan kejahatan agar ianya tidak berterusan.
5. Pendakwah mesti menjadi contoh dengan mempraktikkan apa yang didakwahnya seperti suatu unsur nasihat dan apa yang disampaikan pendakwah bukan hanya kata-kata semata-mata.<sup>39</sup>

Dalam hal menasihati pendakwah mesti merujuk kembali kepada *al-Sunnah* dan para Nabi dan Rasul serta orang-orang salih. Dalam hal ini Allah S.W.T berpesan dalam *al- Qur'ān* mengenai nasihat yang baik sebagaimana firman-Nya:

وَلَا تَسْتَوِ الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ۚ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ  
وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ.

Ertinya:

Dan tidaklah sama kebaikan dan kejahatan. Tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik, maka tiba-tiba orang yang antaramu dan antara dia ada permusuhan seolah-olah Telah menjadi teman yang sangat setia.

Terjemahan surat Fussilat (41): 34.

Perkataan yang baik merupakan suatu asas dan cara yang terbaik untuk berdakwah. Oleh sebab itu, *al- Qur'ān* menerangkan bahawa nasihat yang baik adalah ucapan yang digunakan oleh pendakwah untuk menyampaikan dakwahnya. Pendakwah tidak boleh membalas keburukan dengan keburukan. Pendakwah perlu sabar, sudi

---

<sup>39</sup> Ahmad Mahmud Abu Zaid (1996), *Pendakwah Masa Kini: Sikap dan Pendekatan*, (terj.), Usamah Bin Hussein, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Peniaga Rita, h. 116.

memaafkan dan mengawal nafsunya agar kejahatan itu dapat di balas dengan kebaikan, kesesatan akan bertukar kepada kebenaran, permusuhan akan bertukar kepada kesetiaan dan kemarahan akan bertukar kepada kelembutan.

### 3. *Mujādalah bi al- latī hiya aḥsan*

*Mujādalah bi al- latī hiya aḥsan* dalam istilah ilmiah di sebut dengan berdiskusi. Melaksanakan dakwah dengan menggunakan kaedah ini akan dapat membawa hasil yang baik. Hal ini dilakukan dengan cara membahas suatu masalah kemudian para peserta menyelami masalah tersebut yang kemudian mereka mengemukakan pertanyaan-pertanyaan. Diskusi itu merupakan arena pertukaran fikiran antara sekelompok orang terhadap suatu masalah yang diperlukan pemecahannya.

Hamka Dalam *Tafsir Al-Azhar* mengertikan bantahlah mereka dengan yang lebih baik, kalau telah terpaksa timbul pembantahan atau pertukaran fikiran, ayat ini menyuruh agar hal yang sedemikian (kalau sudah tidak boleh dielakkan lagi) pilihlah jalan yang sebaik-baiknya iaitu memperbedakan pokok soalan yang sedang dibicarakan dengan perasaan benci atau sayang kepada peribadi orang yang sedang diajak berbantah.<sup>40</sup>

Ahmad Sonhadji Mohammad dalam *Tafsit Al- Qur'ān di Radio* memberikan makna *mujādalah* iaitu berbahas dan bertukar-tukar fikiran pendapat ataupun mengadakan perbincangan mengenai agama. Dan ini hendaklah menggunakan cara yang baik, dengan dada yang lapang, hati yang terbuka, fikiran yang tenang dan kepala yang sejuk.<sup>41</sup>

---

<sup>40</sup> Hamka (1987), *op.cit.*, h. 3989.

<sup>41</sup> Ahmad Sonhadji Mohammad (1990), *op.cit.*, h. 234.

Dalam perdebatan itu pendakwah harus memahami dan mengerti cara-cara berdiskusi dengan baik dan dapat membawa hasil yang memuaskan. Dalam hal ini Ali Hasjmy mengatakan:

Mengenai perdebatan ini hendaklah dengan cara baik, iaitu menghindari kesombongan yang pekat, sehingga orang yang diajak berdebat merasa bahawa zatnya terpelihara, nilainya mulia, dan pendakwah tidak bermaksud kecuali membuka zat hakiki dan menunjuki ke jalan Allah, bukan kejalan dirinya sendiri, bukan untuk kemenangan pendapatnya dan kekalahan lawan.<sup>42</sup>

Selanjutnya Abdul Karim Zaidan dalam bukunya *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah* juga menghuraikan tentang cara berdiskusi atau berdebat yang ditujukan kepada pelaksanaan dakwah beliau mengatakan bahawa:

Juru dakwah dalam perdebatan dan diskusi harus mempergunakan cara yang baik dengan kata-kata dan adab yang sopan, begitu juga sering merendahkan dirinya dengan perasaan tenang dengan tidak menyaringkan suaranya, tidak menunjukkan sikap marah bagi mereka, tidak mengeluarkan kata-kata penghinaan atau kata-kata yang melukai perasaan, dan dalam pembicaraan hendaknya dengan kata-kata yang lemah lembut dan perasaan penuh kasih sayang namun tetap pada pendirian ialah mengatakan kebenaran dan meyakinkan orang kepada kebenaran.<sup>43</sup>

Dengan demikian, tiga perkara utama dalam menggunakan kaedah *al-ḥikmah*, *al-maw'idaḥ al-ḥasanah*, dan *mujādalah bi al-latī hiya aḥsan* juru dakwah sangat perlu dalam perkembangan semasa, kerana dakwah adalah merupakan seruan kepada agama Allah dan kepada semua umat manusia bukanlan satu propaganda. Maka pendakwah harus mempunyai sifat persuasif dan mempunyai dedikasi yang tinggi,

---

<sup>42</sup> Ali Hasjmi, dkk (1985), *op.cit.*, h. 8.

<sup>43</sup> 'Abdul Karim Zaidan (1984), *Uṣul al-Da'wah*, Baghdad: Dār al-Bayan, h. 274.

serta menghindarkan sifat-sifat cepat marah, sombong, kasar dan sebagainya. Bertindak dengan cara lemah lembut dan kasih sayang akan menambah keakraban, akan tetapi sebaliknya bila kita perlakukan dengan sesuka hati atau mengikut kehendak hati, niscaya mereka lari menjauhkan diri dari kegiatan dakwah. Hal ini sesuai dengan firman Allah:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ  
حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ  
فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Ertinya :

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad) engkau telah bersikap lemah lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu) Dan kalaulah engkau bersikap keras dan keras hati tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu ma'afkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu) dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu. Kemudian, apabila engkau telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya, Allah mencintai orang-orang yang bertawakal.

Terjemahan surah Ali Imran (3): 159.

Dalam memahami pendekatan berhikmah (bijaksana), tunjuk ajar dan dialog yang baik (*mau'izah* dan *mujādalah*), serta penyebaran kasih sayang (rahmat) dikalangan manusia dalam konteks misi utama dakwah iaitu *al-amr bi al-ma'rūf* dan *al-nahy 'an al-munkar* itu, perlu diterapkan secara menyeluruh ke dalam segenap komponen sistem dan aspek *al-dīn al-Islām* yang menyeluruh (*al-shumūl*).

Demikianlah seluruh kandungan *al- dīn* yang terangkum dalam dua komponen utama iaitu pertama hubungan manusia dengan Allah dan kedua hubungan sesama manusia. Kedua-duanya adalah bahan atau *mawḍu‘ al- da‘wah*. Oleh itu, Nabi Muhammad S.‘A.W. dalam konteks ke-Rasulannya merupakan pelaksanaan terhadap misi dakwah, termasuk yang berkaitan dengan ekonomi, politik seperti pengharaman riba, insentif berterusan terhadap perniagaan atau perdagangan, perusahaan berasaskan kerja keras, kejujuran dan akhlak mulia. Justeru itu ianya tergolong dalam dakwah *bi al-hāl* yang terusnya menjadi contoh yang baik (*qudwah al-ḥasanah*).

Demikianlah beberapa kaedah dalam melaksanakan dakwah yang digambarkan Allah ‘Azza wajalla melalui firman-Nya. Dari kaedah yang telah digambarkan dalam surat al-Naḥl ayat 125 dapat diperkembangkan beberapa kaedah lain dalam pelaksanaan dakwah. Kaedah tersebut telah digali oleh para ahli dan melahirkan beberapa kaedah yang dapat membantu pelaksanaan dakwah dengan baik. Kaedah yang dimaksudkan itu adalah memilih aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan kumpulan sasaran, antara lain ialah sebagai berikut :

### 2.5.1. Kaedah Ceramah

Ceramah merupakan suatu kaedah yang dianggap paling efektif dalam menyampaikan dakwah.<sup>44</sup> Kerana dengan kaedah tersebut pendakwah dan pendengarnya dapat bersua muka secara langsung. Kemudian kaedah ini tidak memerlukan sarana dan fasiliti yang berlebihan, hanya sahaja cukup dengan sebuah mimbar dan alat pembesar suara.<sup>45</sup>

---

<sup>44</sup> K.H. Firdaus A.N (1993), *op. cit.*, h. 126–127.

<sup>45</sup> Abdullah Syihata (1986), *op. cit.*, h. 6.

Tentang penggunaan kaedah tersebut, Abdul Karim Zaidan mengatakan bahawa :

Dalam ceramah, pembicara mengemukakan huraianya dengan mempergunakan kalimat-kalimat yang tepat bukan hanya berbicara sahaja, serta menjauhkan diri mempergunakan kalimat-kalimat yang sulit dimengerti dan muluk-muluk. Baik dalam pidato, mahupun ceramah, pembicara dan pendengar sama-sama berusaha untuk mencapai suatu tujuan yang dikehendaki. Dengan mengemukakan bukti-bukti yang dapat dikemukakan dalam pembahasannya, maka apabila juru dakwah telah berhasil menyedarkan pendengarnya. Oleh itu, tujuan dakwah dapat dikatakan telah tercapai.<sup>46</sup>

Dalam melaksanakan kaedah ceramah, para pendakwah harus terlebih dahulu mempersiapkan bahan-bahan ceramah yang akan disampaikan. Materi yang dipersiapkan itu sesuai dengan keadaan matlamat, sehingga dapat difahami dan dimengerti dengan baik oleh (*mad'ū*) matlamat mereka.<sup>47</sup>

### 2.5.2. Kaedah Projek

Projek merupakan salah satu kaedah dakwah yang pelaksanaannya melalui kegiatan-kegiatan yang telah dirancang sedemikian rupa. Matlamat kaedah ini adalah organisasi-organisasi, kelompok pelajar dan perkumpulan-perkumpulan lainnya. Dalam suatu perkumpulan projek mempunyai beberapa kegiatan, misalnya kegiatan sukan. Dalam hal ini sukan tersebut tidak menjanjikan populariti, tetapi hanya dijadikan sebagai sarana untuk mengumpulkan individu-individu yang menjadi objek dakwah *bi al- hāl*. Dalam melaksanakan kaedah ini pembatasan diperlukan dan pengawalan yang tepat, kerana bila kurang perhatian, objek tersebut akan leka dengan kegiatannya, sehingga tujuan dakwah yang diharapkan tidak tercapai.

---

<sup>46</sup> Abdul Karim Zaidan (1984), *op.cit.*, h. 271.

<sup>47</sup> Sei. H. DT. Tombak Alam (1990), *Kunci Sukses Penerangan dan Dakwah*, Jakarta: Rineka Cipta, h. 37– 41



Pada hakikatnya penzahiran doktrin asas Islam ke dalam bentuk peraturan dan perundangan (*shari'ah*) yang meliputi sistem hidup individu, keluarga, masyarakat sama ada berkait dengan sosio-budaya, sosio-ekonomi, mahupun pentadbiran negara (*siyāsah*), semua itu merupakan dakwah *bi al-hāl* kerana pelaksanaan setiap satu dari peratus sistem tersebut akan melahirkan keseimbangan (*equilibrium*) atau *al-tawāzun*, keadilan dan keberkatan (*grace*) kepada seluruh masyarakat yang membentaras perbezaan etnik dan anutan agama.

### 2.5.3. Kaedah Demonstrasi

Istilah demonstrasi berasal dari bahasa Inggeris yang kata asalnya adalah *Demonstrate*, ertinya mempertunjukkan, mempercontohkan.<sup>48</sup> Sementara dalam *Kamus Bahasa Indonesia* demonstrasi bererti petunjuk mengenai cara-cara.<sup>49</sup> Pengertian demonstrasi dalam pembahasan ini adalah mempertunjukkan atau memperlihatkan cara-cara melaksanakan kegiatan keagamaan dan lain-lain yang berhubungkait dengan dakwah. Dalam melaksanakan kaedah ini pendakwah langsung memperagakan bahan dakwahnya kepada objek dakwah (*mad'ū*), misalnya cara-cara mengerjakan shalat, berwudhuk, memandikan mayat pelaksanaan perekonomian tanpa riba dan lain-lain. Di samping pelaksanaan secara langsung para pendakwah juga menerangkan hal-hal berkait dengan masalah yang didemonstrasikan. Misalnya mengenai hukum, syarat-syaratnya, rukun serta hal-hal yang dapat membatalkannya.

---

<sup>48</sup> Hasan Sadli, John Echlos (1983), *op.cit.*, h. 280.

<sup>49</sup> W. J. S, Poerwadarminta (1976), *op.cit.*, h. 239.

Demonstrasi itu juga diertikan sebagai kaedah percontohan, seorang tokoh masyarakat atau ulama dalam dakwahnya sering menyeru bahawa kita harus membantu orang yang memerlukan pertolongan seperti fakir miskin, anak yatim dan lain-lain. Kemudian dia sendiri harus sering melaksanakan apa yang telah diucapkannya agar masyarakat dapat melihat dan meniru pekerjaan tersebut. Selanjutnya kaedah ini boleh diertikan dalam konteks tersebut di atas atau pun dalam skop yang lebih luas.

#### 2.5.4. Kaedah Ziarah (Karyawisata)

Ziarah (karyawisata) bererti pergi mengunjungi suatu tempat untuk melihat dan mengalami sesuatu secara langsung. Karyawisata digunakan sebagai kaedah dakwah, misalnya mengunjungi Baitullah di Mekah, Baitul Muqaddis di Palestin, serta tempat-tempat bersejarah lainnya. Demikian juga dengan mengunjungi orang sakit, rumah orang cacat, rumah orang tua uzur dan sebagainya. Dengan kunjungan tersebut masyarakat dapat membuat kajian sendiri terhadap apa yang dilihatnya.

#### 2.5.5. Kaedah Pendekatan Peribadi

Pendekatan secara peribadi (*personal approach*) antara seseorang dengan orang lain untuk mencapai dakwah yang telah dicadangkan. Kaedah ini dapat dilaksanakan dalam kegiatan dakwah iaitu dengan cara mengadakan hubungan dengan orang-orang yang menjadi matlamat dakwah. Pelaksanaan kaedah ini, misalnya seorang pendakwah menyampaikan seruan kepada orang-orang tertentu baik sebagai penguasa, pihak kerajaan ataupun orang-orang yang mempunyai jawatan tinggi. Mereka ini lebih mudah diajak secara peribadi daripada secara massa, kerana dengan kaedah ini mereka merasa lebih terhormat.

Kaedah tersebut berhubung erat dengan kaedah ziarah, kerana orang-orang yang akan menjadi objek dakwah itu langsung dikunjungi oleh para pendakwah ke tempat mereka tinggal. Dalam menjalankan kaedah ini sebaiknya pendakwah terlebih dahulu menanyakan tentang waktu atau kesempatan untuk di wawancara dan kemudian mereka juga harus mempersiapkan bahan-bahan yang akan disampaikan baik berupa peringatan, anjuran, harapan dan lain-lain, malahan rombongan yang akan mengunjungi untuk mengadakan komunikasi itu harus pula dihadkan.<sup>50</sup>

Demikianlah huraian tentang beberapa kaedah dakwah, baik yang bersumber dari kitab suci *al-Qur'ān* mahupun yang dikemukakan oleh para ilmuwan. Semua kaedah tersebut dapat digunakan untuk menyebarkan agama Allah dipermukaan bumi kepada seluruh umat manusia.

## 2.6. Faktor-Faktor Penyokong Dakwah

Sebagaimana telah dikatakan sebelumnya bahawa dakwah adalah pekerjaan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* hal itu merupakan tugas yang besar dan berat, sebab hal tersebut merupakan usaha untuk mengubah kondisi umat manusia dalam berbagai aspek kehidupan.

Oleh itu, dalam melaksanakan pekerjaan tersebut sangat memerlukan pelbagai bahan dan persiapan yang dapat dijadikan *wasilah* untuk mencapai usaha tersebut kepada tujuannya. Hal ini sesuai dengan firman Allah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهِدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

<sup>50</sup> M. Hasan Basry (1988), *op.cit.*, h. 30.

Ertinya:

Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang mendekatkan diri kepada-Nya, dan berjihadlah pada jalan-Nya, supaya kamu mendapat keberuntungan.

Terjemahan surah al-Māidah (5): 35.

*Waṣīlah* bererti jalan, pengertian atau alat yang menjadi faktor penting dalam pelaksanaan dakwah. Dalam kajian ini penulis istilahkan dengan faktor penyokong. Faktor-faktor penyokong yang dimaksudkan sebenarnya cukup banyak, tetapi yang terpenting antara lain adalah sebagai berikut:

#### 2.6.1. Organisasi Dakwah

Dalam pemahaman kita bahawa kata-kata organisasi merupakan persatuan atau persyarikatan. James L.Gibson menjelaskan pengertian organisasi ialah kesatuan yang memungkinkan anggota mencapai tujuan yang tidak dapat dicapai melalui tindakan individu secara terpisah.<sup>51</sup> Sedangkan Amitai Etzioni memberi pengertian bahawa organisasi adalah sebagai suatu unit sosial (pengelompokan manusia) yang sengaja dibentuk kembali dengan penuh pertimbangan dalam rangka mencapai tujuan tertentu.<sup>52</sup>

Dalam melaksanakan dakwah sangat diperlukan kepada pengurusan, kerana dalam melaksanakan aktiviti dakwah dalam perkembangan semasa tidak mungkin efektif, apabila tidak digerakkan oleh satu organisasi dengan pengurusan yang baik. Walaubagaimanapun aktiviti dakwah digerakkan oleh organisasi nonbisnis,

---

<sup>51</sup> James L. Gibson (1997), *Teori Organisasi dan Teknik Pengorganisasian*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 54.

<sup>52</sup> Amitai (1985), *Amintai Etzioni* (terj.), Suryatin. Jakarta: Universitas Indonesia, Pustaka Bradjaguna, h. 35.

namun aktiviti nya sentiasa berkait dengan penggunaan wang, atau sumber-sumber materi lainnya yang perlu diatur pengelolaannya secara tertib, teratur dan benar. Organisasi dakwah yang hakiki dan bersepadu ialah kekuatan umat yang disusun dalam satu kesatuan dan berbentuk persatuan, baik kesatuan mental kerohanian mahupun kesatuan fizikal secara nyata di bawah satu pimpinan. Dengan memiliki organisasi, maka tugas dakwah dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan tertib, jelas motivasi, arah dan tujuannya serta tahap-tahap kegiatannya dan sesuai dalam penggunaan sarana yang diperlukan.

Dalam menghadapi cabaran-cabaran dunia moden gerakan dakwah akan menjadi lemah apabila tidak ada gerakan dakwah yang mempunyai kemampuan dan perancangan yang rapi dalam melaksanakan tugas-tugas *al- amr bi al- makrūf wa al- nahyu 'an al- munkar* seperti berikut:

1. Memperkemas dan memperkuat gerakan dakwah.
2. Menyatupadukan tenaga gerakan dakwah dan menyelaras semua aktiviti nya.
3. Menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran dunia moden.
4. Menyediakan pelapis-pelapis dakwah dan memberi latihan yang lengkap kepada pendakwah-pendakwah.
5. Menguatkan perhubungan baik di dalam mahupun luar negeri.<sup>53</sup>

Gerakan dakwah sebagai salah satu usaha dalam memperkembangkan masyarakat untuk mewujudkan tata nilai kehidupan yang *mawaddah*, *rahmah* dan *marhaban* sangatlah penting. Oleh itu, mestilah difahami dalam erti yang luas, tidak hanya

---

<sup>53</sup> Sidi Gazalba, Zainab Ismail (1995), *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi Selangor D.E, Malindo Printers, c. II. h. 25.

setakat tabliq atau pengajian di surau, tetapi mesti dalam bentuk yang lebih lengkap, sempurna dan ilmiah, baik dilihat dari segi materi mahupun strateginya.<sup>54</sup>

Organisasi dakwah memang sangat diperlukan dalam mencapai tujuan dakwah, terutama pimpinannya, kerana pimpinan organisasi dapat melancarkan dan memudahkan pemecahan segala soalan yang timbul. Pimpinan seperti inilah yang sangat didambakan oleh umat Islam. ‘Ālī bin Abi Ṭālib dalam hal ini pernah menyatakan: Sesungguhnya kaum Muslimin itu selalu dalam keadaan baik, sebenarnya kelemahannya itu terdapat dikalangan pimpinannya.<sup>55</sup> Untuk mencapai matlamat dakwah, organisasi merupakan salah satu penyokong dalam melakukan aktiviti dakwah. Oleh itu, dalam organisasi sekurang-kurangnya mesti memiliki prinsip yang bersifat dinamis iaitu:

#### 1. Perumusan Matlamat

Suatu organisasi yang dinamis, maka haruslah mempunyai perumusan tujuan yang jelas, tidak membingungkan, tegas dan dapat difahami oleh sesiapa sahaja dalam tafsiran yang sama. Sehingga siapapun yang menjadi anggotanya dapat difahami bahawa dia harus berbuat dan bertindak secara bersama-sama untuk mencapai tujuan. Kesefahaman penafsiran juga akan berpengaruh terhadap usaha atau program yang dilakukan untuk mencapai tujuan baik dalam bentuk pencarian wang, mahupun pengkajian dalam berbagai tajuk seperti masalah aqidah, ibadah, akhlak dan muamalah.

---

<sup>54</sup> RB. Khatib Pahlawan kayo (2007), *Manajmen Dakwah*, Jakarta: Pustaka Nasional, Amzah Sinar Grafika offset, h. 2.

<sup>55</sup> ‘Ālī bin Ṭālib (t.t.), *op.cit.*, h. 412.

## 2. Pembagian Pekerjaan dan Tanggungjawab

Organisasi yang baik dan dinamis adalah jika pembagian tugas dan tanggungjawab dapat terlaksana secara efektif, adil dan merata. Pembagian tugas dan tanggungjawab mestilah berasaskan kepada tenaga kerja yang ada dan kepakaran seseorang. Kemudian dibagikan dan di susun secara spesifik, sehingga membentuk bagian-bagian atau fungsi-fungsi dan membantu penempatan tenaga yang sesuai dengan kepakaran masing-masing. Dengan demikian roda organisasi dapat berjalan dengan harmonis, gairah dan efisien.

## 3. Pemberian Kekuasaan

Seseorang yang diberikan tugas untuk melaksanakan sesuatu aktiviti supaya dapat memiliki tanggungjawab, jika kepadanya diberikan kekuasaan untuk memutuskan segala sesuatu yang berhubungkait dengan fungsinya. Organisasi yang solid selalu berusaha agar kekuasaan tidak berada pada satu kakitangan.

## 4. Tingkat Pengawasan

Organisasi akan berjalan dengan baik, tertib, dan sukses, maka sepatutnya organisasi itu dapat menyederhanakan birokrasi dalam tingkatan hirarki yang seimbang.<sup>56</sup> Dengan demikian berjaya sesebuah organisasi dalam mencapai tujuan adalah sangat bergantung kepada pengurusan yang digunakan. Keberhasilan seorang pengurus hanya ditentukan oleh kemampuan dan teknik, tetapi lebih banyak dipengaruhi oleh kemampuan menggerakkan orang lain untuk berkerjasama dengan baik, serius dan bertanggungjawab.

---

<sup>56</sup> RB. Khatib Pahlawan kayo (2007), *op.cit.*, h. 13-14.

Seorang pemimpin bukanlah seseorang yang melaksanakan sendiri mengenai tindakan-tindakan atau aktiviti operasi organisasi yang dipimpinnya. Dalam hal ini, organisasi dakwah sangatlah diperlukan, kerana dakwah yang tidak ada perancangan tidak akan efektif, bahkan akan kehilangan arah dan sia-sia. Oleh itu, agar aktiviti dakwah tidak berjalan sendiri, dan tidak dilakukan sendiri maka perlu melibatkan banyak pihak, pelbagai sumber dan potensi, sehingga aktiviti dakwah dapat menjadi keperluan umat dan mendapat tempat di hati masyarakat.

#### 2.6.2. Prestasi Ilmiah

Prestasi Ilmiah, yang dimaksudkan adalah potensi yang dimiliki oleh subjek dakwah. Setelah mempelajari dan memahami *al-Qur'ān*, *al-Sunnah*, bahasa Arab dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya, pendakwah perlu pula mengetahui serta mempelajari pelbagai ilmu yang berkaitan dengan kemanusiaan tabiin (sains) sebagai sumber pengetahuan pendakwah. Ilmu adalah sumber yang amat penting bagi para pendakwah. Tanpa ilmu tidak mungkin dapat mendakwahkan orang lain, kerana ilmu itu merupakan alat untuk menyusun program dakwah bagi menghadapi gerakan musuh-musuh Islam.

Seseorang pendakwah juga perlu mengetahui keadaan orang yang didakwahnya, kerana setiap orang berbeza dari segi keadaan hidup dan kefahaman mereka, jadi cara untuk mendakwahnya pun berbeza. Cara berdakwah orang yang berilmu berbeza dengan berdakwah kepada orang yang jahil, begitu juga bagi orang yang bijak dengan orang bodoh. Oleh yang demikian pendakwah perlu mempelajari ilmu-ilmu kemanusiaan, kerana dengan pengetahuan tersebut pendakwah mengetahui cara untuk berinteraksi dengan manusia. Di samping itu juga pendakwah mesti



mempunyai ilmu pengetahuan tentang masyarakat iaitu untuk mengetahui keadaan dan tabiat masyarakat. Sedangkan pengetahuan berhubung dengan cara-cara untuk berkomunikasi juga amat penting, sehingga apa yang disampaikan akan dapat difahami dengan mudah tanpa salah faham dan keliru.<sup>57</sup>

Setiap muslim dituntut untuk memiliki prestasi ilmiah yang seimbang iaitu antara pengetahuan yang berhubungan dengan *mu'amalah duniawiyah*. Pengetahuan ini akan membantu dan memberikan bimbingan serta petunjuk kepada manusia dalam melaksanakan pengabdian kepada Allah S.W.T. dalam kedudukannya sebagai hamba-Nya.

Adapun ilmu pengetahuan yang berhubungan dengan *mu'amalah duniawiyah* akan menjadi pedoman dalam arena pembangunan kehidupan duniawi dalam kedudukannya sebagai *khalifahtullah fi al-ard* yang mesti menciptakan kemakmuran di bumi. Berkaitan dengan masalah ini Allah S.W T. berfirman Allah:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

Ertinya :

Dan tiadalah (betul atau elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang), oleh itu hendaklah keluar sebagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut oleh agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

Terjemahan surah at-Taubah (9): 122.

---

<sup>57</sup>Ahmad Mahmud Abu Zaid (1996), *Pendakwah Masa Kin; Sikap dan Pendekatan*, (terj.) Usamah Bin Hussein, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Peniaga Rita, h. 37.

Sesungguhnya, ayat di atas memberikan kefahaman kepada kita bahawa tidak digalakkan kita semua untuk pergi ke medan perang, dan mempelajari ilmu amatlah diperlukan bagi pendakwah sebagai senjata untuk menjawab soalan dari orang ramai, memahami Islam dengan kefahaman yang sahih dan menyampaikan ajaran kepada semua orang. Pada masa kini dan akan datang kita memerlukan seorang pendakwah yang mampu membawa ajaran Islam dengan baik. Pendakwah tersebut mestilah mempunyai ilmu pengetahuan. Maka prestasi ilmiah bagi pendakwah amatlah diperlukan untuk keberhasilan dakwah.

#### 2.6.2. Akhlak Mulia

Akhlak mulia (*al- akhlāq al-karīmah*) merupakan faktor penyokong dakwah yang turut menyokong keberhasilan dakwah adalah *al- akhlāq al- karīmah*, adalah budi pekerti yang baik dan mesti menjadi keperibadian setiap muslim dalam tingkahlaku seharian. *Akhlāq* ini diambil dari kata-kata *khilqun* atau *khuluqun* yang mengandungi segi-segi penyesuaian dengan *khalqun* serta erat hubungannya dengan *khaliq* (Pencipta) dan makhluk (ciptaan). Dari sinilah hasil perumusan ilmu akhlak yang mengatur hubungan baik antara makhluk dan Khaliq, dan di antara sesamanya. Jadi akhlak itu adalah sikap jiwa yang melahirkan tingkahlaku dan budi pekerti manusia.<sup>58</sup>

Perilaku dan amal para pendakwah adalah cerminan dari dakwahnya. Pendakwah adalah teladan dalam pembicaraan dan amalan. Kerana itu, mereka memperbaiki apa-apa yang rosak dan meluruskan yang bengkok. Pendakwah tidak boleh bersembunyi dari manusia, dan tidak merasa takut kepada siapa pun kecuali Allah.

---

<sup>58</sup> K.H. Firdaus, A. N (1993), *op.cit.*, h. 31-34.

Tidak keluar dari mulut pendakwah kecuali kebaikan. Kerananya peribadi seorang pendakwah mempunyai pengaruh besar bagi keberhasilan dakwah sebagai penyebaran risalah.

Oleh itu, menjadi kewajipan bagi setiap pendakwah untuk memiliki setiap nilai yang hendak disampaikan dalam dakwah melalui ucapan dan perbuatan. Pendakwah mesti jujur terhadap diri sendiri sebagai individu, di rumah sebagai suami isteri dan ayah bagi anak-anaknya dan di tengah masyarakat mereka sebagai anggota masyarakat. Para pendakwah yang mengatakan sesuatu yang tidak mereka perbuat, memberikan nasihat tapi tidak mengambil nasihat, mengambil petunjuk tapi dia sendiri menghindar dari petunjuk, maka tiada lain kecuali akan memperoleh pelecehan dari manusia dan murka Allah. Sebagaimana firman Allah:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لِمَ تَقُوْلُوْنَ مَا لَا تَفْعَلُوْنَ ۗ كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللّٰهِ  
اَنْ تَقُوْلُوْا مَا لَا تَفْعَلُوْنَ ~

Ertinya:

Wahai orang-orang yang beriman, kenapakah kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu kerjakan? Amat besar kebencian di sisi Allah bahawa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan.

Terjemahan surar Ash-Shaff (37): 2-3.

Pelanggaran terhadap kebaikan yang ada dalam perilaku pada seseorang pendakwah adalah sangat merbahaya dan boleh membuat orang syak. Hal ini bukan sahaja akan berpengaruh kepada pendakwah, tetapi juga kepada dakwah secara amnya. Maka dengan demikian para pendakwah mestilah bersungguh-sungguh untuk menjaga

akhlak dengan baik, sehinggakan dapat selalu istiqamah dan taat di jalan Allah. Dengan demikian dakwah yang disampaikan akan memberi erti dan pengaruh yang positif terhadap objek dakwah.

Demikianlah di antara beberapa faktor penyokong pelaksanaan dakwah yang sememangnya dipersiapkan oleh para pendakwah agar dapat menjalankan aktiviti dakwah secara baik dan berkesan.

Dari huraian tersebut di atas dapat di buat kesimpulan bahawa setiap kegiatan dakwah harus memiliki aspek penyokong sebagai penentu bagi terwujudnya pelaksanaan dakwah yang profesional dan sempurna.